

**Lawatan ke UAE Berhasil, kata Najib  
Bernama  
Mei 20, 2014**

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata lawatan rasmi kali kedua beliau ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini terbukti berhasil memperkukuh hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Lawatan tiga hari itu (berakhir pada Isnin) bertindak sebagai wadah penting untuk memperkukuh hubungan dua hala antara kedua-dua negara," katanya dalam akaun Facebook beliau hari ini.

Beliau berkata kerjasama antara kedua-dua negara membuahkan hasil menggalakkan dengan memorandum persefahaman ditandatangani untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pertahanan dan pelancongan kesihatan.

Najib menyifatkan negara Teluk itu sebagai rakan strategik utama bagi Malaysia, dengan hubungan dua hala adalah amat signifikan.

Kerajaan UAE turut menghadiahkan kompleks masjid yang akan dibina di Kuala Lumpur.

Dalam satu lagi posting, Najib mengucapkan takziah kepada keluarga Rahib Julianna Lim yang meninggal dunia hari ini, selepas mendiang dan seorang lagi rahib diserang di luar sebuah gereja di Seremban pada Rabu lepas.

"Saya mengucapkan takziah kepada anggota keluarga dan rakan Sister Julianna Lim. Tindakan tidak wajar itu yang membawa kepada kematiannya tidak akan dibiarkan sahaja tanpa dihukum," katanya.

Lim, 69, dan Marie Rose alias Theresa Teng, 79, diserang dengan topi keledar dan disamun oleh seorang lelaki pada waktu subuh di luar gereja Church of the Visitation.

Kedua-dua mereka ditemui dalam keadaan pengsan di pintu masuk utama gereja itu dan dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039830>